

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : ISNIN, 9 JUN 2014

RUJUKAN : L1 [PR-1322-L62557]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah rancangan yang akan dilakukan bagi Kampung Puah, Kampung Sungai Mulia, Kampung Bandar Dalam dan Kampung Puah Seberang bagi memastikan tradisi perkampungan melayu di Kuala Lumpur ini kekal.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Wangsa Maju, di dalam Pelan Panduan Pembangunan Kawasan Kampung Tradisional, Kampung Puah Asal, Kampung Sungai Mulia dan Kampung Banda Dalam dicadangkan sebagai Kampung Tradisional dengan matlamat "*Merancang dan mengawal pembangunan di kawasan kampung tradisional dalam Bandar ke arah persekitaran berkualiti di samping pengekalan dan pemeliharaan identiti tradisional sedia ada*".

Bagi **Kampung Puah Asal**, lot-lot yang berhadapan dengan Jalan Gombak akan dizonkan sebagai kawasan Perdagangan dengan nisbah plot 4. Manakala lot-lot selebihnya dizonkan sebagai Kediaman 2 yang berkepadatan sederhana dengan densiti 80 orang seekar.

Bagi **Kampung Sungai Mulia**, lot-lot yang berhadapan dengan Jalan Gombak akan dizonkan sebagai kawasan Perdagangan dengan nisbah plot 4. Manakala lot-lot selebihnya dizonkan sebagai Kediaman 3 yang berkepadatan tinggi dengan densiti 240 orang seekar.

Bagi **Kampung Banda Dalam** pula, lot-lot yang berhadapan dengan Jalan Gombak akan dizonkan sebagai Perdagangan dengan nisbah plot 4. Manakala lot-lot selebihnya dizonkan sebagai Kediaman 2 yang berkepadatan sederhana dengan densiti 120 orang seekar.

Pengezonan dan intensiti pembangunan bagi kampung-kampung ini ditentukan berdasarkan perbincangan kumpulan fokus yang diadakan bersama penduduk-penduduk kampung tersebut. Selain daripada itu, di ketiga-tiga kampung ini terdapat juga kemudahan masyarakat sedia ada yang terdiri daripada masjid, madrasah, sekolah agama dan tanah perkuburan Islam.

Manakala bagi tapak kawasan **Kampung Puah Seberang**, Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah mengezonkan kawasan ini sebagai tanah perkuburan Islam. Sebagai makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, tanah ini adalah rizab kubur di bawah JAWI dan telah didiami oleh penduduk secara haram.

Di samping itu, beberapa program kemasyarakatan di Kampung-kampung tradisi di Kuala Lumpur akan turut diadakan bagi memupuk kerjasama dan meningkatkan perpaduan penduduk setempat serta program *engagement* bagi mengenal pasti isu dan keperluan kampung-kampung tradisi di WPKL serta menyediakan peluang dialog di antara penduduk kampung dengan Agensi-agensi Kerajaan.